

04/08/1997

20 pesawat ringan berlepas ke Langkawi

IPOH, Ahad - Dua puluh pesawat ringan yang menyertai Pameran dan Pertunjukan Udara Malaysia 1997, di Langkawi, berlepas hari ini dari Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah ke Alor Star dalam tiga kumpulan selepas penerbangan yang dijadualkan semalam, dibatalkan kerana jerebu tebal.

Jurucakap Jabatan Penerbangan Awam (DCA), berkata penerbangan kumpulan pertama membabitkan 15 pesawat ringan, berlepas kira-kira jam 9.30 pagi tadi apabila jarak penglihatan di udara cerah iaitu pada paras 10,000 meter.

Menurutnya, kumpulan kedua membabitkan dua pesawat ringan berlepas pada jam 10 pagi dan kumpulan terakhir, tiga pesawat ringan termasuk satu 'glider' berlepas kira-kira setengah jam kemudian.

"Semua pesawat itu dijangka tiba di Lapangan Terbang Alor Star sebelum tengah hari ini. Penerbangan itu perlu dilakukan awal kerana bimbang jarak penglihatan akan bertambah buruk," katanya di sini, hari ini.

Pagi semalam, Menteri Besar, Tan Sri Ramli Ngah Talib merasmikan pelepasan 20 pesawat ringan yang menyertai Pameran dan Pertunjukan Udara Malaysia 1997 yang akan berlangsung mulai esok hingga 8 Ogos, di Langkawi.

Bagaimanapun, kumpulan pertama membabitkan tiga pesawat ringan yang berlepas itu terpaksa berpusing balik selepas jarak penglihatan yang buruk kerana jerebu tebal.

Semalam, jarak pandangan begitu buruk, iaitu antara 1,000 dan 2,000 meter terutama ketika hampir menjelang tengah hari.

Beliau berkata, semua pesawat ringan itu perlu sampai hari ini kerana majlis itu akan diadakan esok dan dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Langkawi.

Antara peserta pertunjukan udara itu ialah dari Afrika Selatan, Itali, Jerman, Singapura, Thailand dan Singapura.

Sementara itu, Pemangku Pengarah Jabatan Alam Sekitar negeri, Charanpal Singh, ketika dihubungi di sini, berkata sejak petang Jumaat lalu, laporan Indeks Kualiti Udara Malaysia, di Ipoh adalah pada paras 95 dan berada pada tahap sederhana.

Katanya, bagaimanapun, sejak semalam, jerebu di sekitar bandar raya ini dilaporkan semakin buruk dan mula mengganggu jarak penglihatan.

Selain itu, pihaknya akan menyiasat mengenai beberapa aduan daripada orang ramai yang mendakwa ada pembakaran terbuka di beberapa kebun kelapa di Teluk Intan.

"Kejadian itu mungkin disebabkan ada pemilik kebun kelapa membakar pokok kelapa tua untuk penanaman semula," katanya.

(END)